

Headline	FRIM bangun hab perabot bernilai RM1.3 billion		
MediaTitle	Sinar Harian (Pahang)		
Date	14 Feb 2018	Color	Full Color
Section	NEWS	Circulation	160,000
Page No	20	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	221 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,548
Frequency	Daily	PR Value	RM 4,644



FRIM bangun hab perabot bernilai RM1.3 billion

TEMERLOH - Institut Perhutanan Malaysia (FRIM) akan membangunkan hab perabot nasional di Kampung Sempadan, Lanchang di sini dengan kos pembangunan awal dianggarkan mencecah RM1.3 billion.

Exco Pelancongan dan Kebudayaan negeri, Datuk Seri Mohd Sharkar Shamsudin berkata, projek pembangunan terbaharu bagi daerah Temerloh itu dijangka mewujudkan 10,000 peluang pekerjaan terutama kepada penduduk setempat.

"Selain menjadi pengeluar perabot berkualiti tinggi, pusat tersebut yang juga dikenali Kampung Perabot itu akan menjadi pusat kawalan kualiti perabot negara.

"Lokasi yang dikenal pasti ini untuk pembinaan ini sangat strategik dan berhampiran dengan sumber bahan mentah yang ada untuk pembuatan perabot," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar pada majlis penyerahan rumah program Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) di Kampung Teris, Lanchang di sini, kelmarin.

Hadir sama, Ketua Pengarah



Mohd Sharkar (tiga, kiri) siji penghargaan kepada penyumbang bantuan membaiki rumah Abdul Rahim Seman, 40, yang terlibat kebakaran tahun lalu di Kampung Teris, kelmarin.

JBPM, Datuk Seri Wan Mohd Nor Ibrahim dan Pengarah JBPM negeri, Datuk Abdul Wahab Mat Yassin.

Menurutnya, Pusat berkenaan akan dibangunkan di kawasan berhampiran Hutan Simpan Kemasul berkeluasan 30,000 hektar sekali gus memberi banyak kelebihan kepada pihak yang terlibat dalam industri itu.

"Dengan adanya hab perabot ini dijangka akan mampu menarik lebih ramai pengusaha kilang perabot untuk melabur di daerah Temerloh khususnya berhampiran dengan pusat ini," katanya.

Mohd Sharkar yang juga Adun Lanchang berkata, pembangunan hab perabot yang meliputi pembinaan Kampung Perabot ini akan dapat melonjakkan ekonomi penduduk sekitar.

"Pembangunan kawasan berkenaan bukan sahaja akan membuka banyak peluang pekerjaan tetapi juga peluang perniagaan kepada penduduk sekitar.

"Saya berharap penduduk di sekitar Lanchang dapat merebut peluang dan saya minta mereka tidak menjual tanah yang akan terus meningkat nilainya," katanya.